



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**EKSPORT PRODUK GETAH MALAYSIA KE AMERIKA SELATAN CATAT
PERTUMBUHAN KUKUH, PERKUKUH KEDUDUKAN MALAYSIA
SEBAGAI PENERAJU GLOBAL**

Industri getah Malaysia memulakan tahun 2026 dengan prestasi yang amat memberangsangkan apabila nilai eksport produk getah ke pasaran Amerika Selatan meningkat sebanyak 13.7% tahun ke tahun kepada RM57.2 juta pada Januari 2026.

Pencapaian ini mencerminkan keberkesanan pendekatan strategik Kementerian Perladangan dan Komoditi dalam memperluas pasaran bukan tradisional serta memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pembekal global yang diyakini bagi produk getah berkualiti tinggi.

Lebih penting, pertumbuhan ini bukan sahaja meningkatkan hasil eksport negara, malah turut memberi limpahan manfaat kepada ratusan ribu pekebun kecil getah serta pemain industri tempatan yang menjadi tulang belakang kepada rangkaian bekalan negara.

Brazil kekal sebagai destinasi eksport utama dengan sumbangan sebanyak 43.8% daripada keseluruhan eksport ke rantau tersebut. Keputusan Brazil untuk menggantung tindakan anti-lambakan pada Disember 2025 telah membuka semula ruang pasaran dan memberi kelebihan kompetitif kepada pengeksport Malaysia.

Kementerian bersama pemain industri telah bertindak pantas memanfaatkan peluang ini dengan meningkatkan eksport produk bernilai tinggi seperti benang lateks dan kondom, sekali gus mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai pembekal yang konsisten dan boleh dipercayai di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Argentina mencatatkan pertumbuhan paling ketara dengan lonjakan 140.6% kepada RM14.3 juta, didorong oleh peningkatan permintaan terhadap sarung tangan getah dan benang lateks selaras dengan pengembangan sektor penjagaan kesihatan negara tersebut.

Colombia pula terus menunjukkan momentum positif dengan peningkatan sebanyak 31.8%, dipacu oleh permintaan yang semakin meningkat bagi produk perubatan serta kelengkapan pelindung diri (PPE).

Kejayaan ini adalah hasil sokongan berterusan serta pelaksanaan inisiatif proaktif oleh Majlis Getah Malaysia (MRC) bersama agensi-agensi berkaitan, termasuk melalui strategi pemasaran bersasar, pengukuhan jaringan antarabangsa, serta sesi libat urus yang konsisten dengan rakan dagang global.

Walaupun ekonomi global dijangka terus berdepan cabaran termasuk ketegangan geopolitik, ketidakpastian pasaran dan tekanan kos tenaga, Kementerian kekal komited untuk memastikan industri getah negara terus berdaya tahan dan kompetitif.

Amerika Selatan kini muncul sebagai antara pasaran berpotensi tinggi dan akan terus diberi keutamaan dalam strategi pengembangan eksport negara. Langkah Brazil menggantung tindakan anti-lambakan terhadap produk Malaysia dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan yang lebih mampan dalam tempoh terdekat.

Kementerian juga akan mempergiat usaha untuk menembusi pasaran baharu serta memperkukuh kerjasama strategik antarabangsa bagi memastikan industri getah Malaysia terus berkembang dan kekal relevan dalam landskap ekonomi global yang dinamik.

Ini membuktikan bahawa Malaysia bukan sekadar pengeluar, tetapi peneraju global dalam industri getah. Kita tidak hanya mempertahankan pasaran sedia ada, malah sedang mengembangkan pengaruh ke pasaran baharu.

Dengan permintaan global yang kekal kukuh khususnya dalam sektor penjagaan kesihatan, Malaysia berada di landasan yang tepat untuk memperluas penguasaan pasaran dan memperkukuh kedudukan sebagai pemain utama dalam rantai bekalan getah dunia.

DR. NORAINI AHMAD

Menteri Perladangan dan Komoditi

19 Mac 2026

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my